



Muhyiddin hadir pendakwaan menyebut perkataan menghasut ketika kempen PRN DUN Nenggiri di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

Muhyiddin kekal pengakuan tuduhan sebut perkataan hasut

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengekalkan pengakuan tidak bersalah di Mahkamah Tinggi di sini semalam, atas pertuduhan menyebut perkataan menghasut semasa kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri di Kelantan, pada Ogos tahun lalu.

Muhyiddin, 77, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin.

Untuk rekod, kes itu pada asalnya disebut di Mahkamah Sesyen Gua Musang, Kelantan pada 27 Ogos 2024 sebelum dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur susulan permohonan pihak pembelaan.

Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN), didakwa melakukan perbuatan itu di kawasan lapang berhampiran Dewan Semai Bakti Felda Perasu antara 10.30 malam hingga 11.50 malam, 14 Ogos 2024.

Kenyataan menghasut itu berkenaan dakwaan beliau yang tidak dijemput oleh Yang di-Pertuan Agong selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 untuk mengangkat

sumpah sebagai Perdana Menteri, walaupun dikatakan mempunyai sokongan 115 daripada 222 Ahli Parlimen pada masa itu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 4(1) akta sama, yang membawa hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Azlina Rasdi manakala peguam Amer Hamzah Arshad mewakili Muhyiddin.

Terdahulu, Amer Hamzah memaklumkan mahkamah bahawa pihaknya akan membuat permohonan untuk merujuk persoalan undang-undang ke Mahkamah Persekutuan di bawah Seksyen 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, berhubung kes hasutan anak guamnya.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 6 Mac depan untuk serahan dokumen dan mengekalkan jaminan RM5,000 ditetapkan Mahkamah Sesyen Gua Musang sebelum ini.

BERNAMA